

MAHATHIR-PERDAGANGAN

(1)

1980

KUALA LUMPUR, 22 MEI (BERNAMA) — TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENCADANGKAN PENUBUHAN PUSAT-PUSAT PERDAGANGAN MALAYSIA SAMA-SEPERTI SOGOSHOSHAS (PUSAT-PUSAT PERDAGANGAN JEPUN) UNTUK MEMBERI KHIDMAT KEPADA PARA PENGELUAR SAMA ADA BESAR ATAU KECIL DI NEGARA INI DALAM PERDAGANGAN MEREKA DI SEDERANG LAUT.

KATANYA IDEA ITU DILAHIRKAN SEMASA DIADAKAN PERBINCANGAN ANTARA PARA PEGAWAI PERBADANAN DAN PENGUSAHA-PENGUSAHA BANK DI NEGARA INI DI KEDIAMANNYA BARU-BARU INI.

→ KITA BELUM PASTI LAGI SAMA ADA UNTUK MENUBUHKAN SEBUAH ATAU LEBIH DARI SEBUAH PUSAT SERUPA ITU, TETAPI HARUSLAH MEMADAI UNTUK KEPERLUAN KITA, + TAMBAHNYA.

SETAKAT INI, KATANYA, NAMA ATAU PUN STRUKTUR PUSAT-PUSAT ITU BELUM LAGI DIPASTIKAN ATAU PUN SAMA ADA IA DITADBIRKAN SEPENUHNYA OLEH KERAJAAN ATAU SEKTOR SWASTA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYATAKAN DEMIKIAN KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS KUNJUNGAN ROMBONGAN PERDAGANGAN DARI ARAB SAUDI DI PEJABATNYA DI SINI. — BERSAMBUNG 2004/SZ

KATANYA BANYAK NEGARA TELAH MENYEDARI TENTANG KEPENTINGAN SOGOSHOSHAS JEPUN ATAU PUSAT-PUSAT TERSEBUT MERUPAKAN BADAN-BADAN PERDAGANGAN BESAR YANG HANYA MENDAPAT KEUNTUNGAN KECIL.

PUSAT-PUSAT PERDAGANGAN TERSEBUT TERLIBAT DALAM URUSAN MEMBELI DAN MENJUAL BARANG-BARANG DARI MOTOKAR HINGGA KE TRANSISTOR.

BELIAU MERASAKAN SYARIKAT-SYARIKAT KECIL BOLEH MENYALURKAN BARANG-BARANG KELUARAN MEREKA KE PUSAT-PUSAT PERDAGANGAN ITU DI MALAYSIA BAGI PASARAN-PASARAN DI SEBERANG LAUT.

BAGAIMANAPUN, PUSAT-PUSAT ITU, HESTILAH MEMPUYAI HUBUNGAN DI SELURUH DUNIA DAN SALURAN-SALURAN UNTUK MEMASARKAN BARANG-BARANG TERSEBUT.

MENGENAI PERTEMUANNYA DENGAN ROMBONGAN PERDAGANGAN DARI ARAB SAUDI ITU, BELIAU BERKATA SEBUAH JAWATANKUASA BERSAMA DI PERINGKAT MENTERI ANTARA KEDUA-DUA NEGAR TELAH DICADANGKAN

PENUBUHANNYA BAGI MENINJAU SEMUA ASPEK KERJASAMA DUA HALA.

CADANGAN ITU, TAMBAHNYA, SEDANG DIPERTIMBANGKAN OLEH KERAJAAN.

— BERSAMBUNG 2010/SZ

MAHATHIR-PERDAGANGAN 3 KUALA LUMPUR

71

BELIAU YANG MENSIFATKAN LAWATAN ROMBONGAN ITU SEBAGAI +BERMANFAAT+, BERKATA PERDAGANGAN ANTARA KEDUA-DUA NEGARA LEBIH MENGUNTUNGKAN ARAB SAUDI, KERANA MALAYSIA MEMBELI MINYAK DARI NEGARA ITU TETAPI TIDAK BANYAK PULA MENJUAL BARANG-BARANGNYA.

SELAIN DARI MINYAK SAWIT, ROMBONGAN ITU JUGA TIDAK HANYA BERMINAT MEMBELI KAYU-KAYAN SECARA LANGSUNG DARI MALAYSIA MALAH SANGGUP MENDIRIKAN PERUSAHAAN USAHASAMA DENGAN NEGARA INI DALAM PERDAGANGAN KAYU-KAYAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MASALAH UTAMA MALAYSIA DALAM PERDAGANGANNYA DENGAN ARAB SAUDI DAN NEGARA-NEGARA TELUK ARAB IALAH PENGANGKUTAN DAN TAMBANG, DAN KABINET TELAH MEMUTUSKAN YANG MASALAH ITU DITINJAU OLEH KEMENTERIANNYA DAN JUGA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN.

MENGENAI KURANGNYA USAHA-USAHA EKORAN DARI MASYARAKAT PERNIAGAAN MALAYSIA DALAM PERDAGANGAN MEREKA DENGAN NEGERI-NEGERI TELUK ARAB TERMASUK ARAB SAUDI, BELIAU BERKATA KERAJAAN BERGADANG MEMBERIKAN GALAKAN KE ARAH ITU DI MASA DEPAN.

— BERNAMA 2013/82